



Roh Kudus memutuskan rantai ketakutan

Media Vatikan

TAKHTA SUCI: Semasa Misa untuk Hari Raya Besar Pentakosta, Sri Paus Leo XIV mengingat bagaimana Roh Kudus melakukan 'sesuatu yang luar biasa' dalam kehidupan para rasul. Beliau menegaskan bahawa hari ini, Roh Kudus juga turun ke atas kita, bersedia untuk memecahkan rantai dalaman kita, memecahkan ketakutan kita dan melembutkan hati kita yang keras, untuk menjadikan kita baharu. Apa yang berlaku di ruang atas pada zaman para rasul, berlaku semula di tengah-tengah kita pada hari ini!

Sri Paus Leo XIV menyatakan demikian semasa memimpin Misa Kudus Pentakosta yang juga merayakan Jubli Pergerakan Eklesial, Persatuan dan Komuniti Baharu, pada Januari 8, di Dataran Sto Petrus.

Semasa homilinya, Bapa Suci menekankan bagaimana Roh Kudus telah mencapai "sesuatu yang luar biasa" dalam kehidupan para Rasul.

Memecahkan rantai dalaman para Rasul dan mengurapi mereka

Selepas kematian Yesus, para rasul selalu menyembunyikan diri di sebuah "tempat dengan pintu tertutup, dalam ketakutan dan kesedihan."

"Namun, pada hari Pentakosta, mereka dianugerahkan cara baharu untuk melihat sesuatu, pemahaman mereka semakin jelas sehingga mereka dapat mentafsirkan peris-

tiwa yang berlaku dan mengalami kehadiran Tuhan yang Bangkit dengan intim."

Dalam konteks ini, Roh Kudus telah "mengatasi ketakutan para rasul, memecahkan rantai dalaman mereka, menyembuhkan luka mereka, mengurapi mereka dengan kekuatan dan memberikan mereka keberanian untuk pergi kepada semua orang serta mengisytiharkan karya-karya agung Tuhan."

Sri Paus Leo menjelaskan bahawa pada Hari Pentakosta, pintu Ruang Atas terbuka kerana Roh membuka sempadan. Prelatus itu memetik kata-kata mendiang Sri Paus Benediktus XVI dalam homili Pentakosta 2005: "Roh Kudus memberikan pemahaman. Roh mengatasi 'perpecahan' yang bermula di Babel, mengatasi kekeliruan minda dan hati yang memisahkan kita satu sama lain. Roh membuka sempadan..."

Roh menembusi sempadan

Kata-kata mendiang Sri Paus Benediktus merupakan gambaran yang berkesan tentang Pentakosta.

Pertama-tama, roh Kudus "membuka atau dapat menembusi sempadan" dalam hati kita. Inilah anugerah atau hadiah Roh Kudus kepada kita yang mendorong kita untuk terbuka kepada cinta."

"Kehadiran Roh Kudus memecahkan kekerasan hati kita, keketatan fikiran kita, keegoisan kita, ketakutan yang mengikat kita dan narsisme yang membuat kita hanya memikirkan diri kita sendiri."

"Roh Kudus," kata Sri Paus Leo "datang untuk mencabar kita."

Cara baharu mendekati kehidupan

Tambahan pula, Roh Kudus membolehkan kita menemui cara baharu untuk mendekati dan mengalami kehidupan, dengan menga-

mati, "Dia menghubungkan kita dengan diri kita yang paling dalam, di sebalik semua topeng yang kita pakai."

"Dia membawa kita kepada pertemuan dengan Tuhan dengan mengajar kita untuk mengalami kegembiraan yang merupakan hadiah-Nya.

"Dia meyakinkan kita, bahawa hanya dengan berpegang pada kasih Tuhan kita akan menerima kekuatan untuk tetap setia kepada firman-Nya dan membiarkannya mengubah kita."

Sri Paus Leo juga mengamati bahawa Roh Kudus amat berkuasa membuka dan meruntuhkan sempadan dalam hubungan kita dengan orang lain.

Roh Kudus tinggal bersama kita

Sri Paus Leo mengulangi kembali ajaran Yesus bahawa hadiah Roh "adalah kasih antara Dia dan Bapa yang datang untuk tinggal dalam diri kita."

"Oleh sebab itu, Roh Kudus mendorong kita untuk membuka hati kita kepada saudara-saudari kita, mengatasi kekakuan kita, melampaui ketakutan kita terhadap mereka yang berbeza dan menguasai hasrat yang baik untuk terus bergelora dalam diri kita."

"Selain itu, Roh Kudus memperbaiki hubungan yang terganggu akibat kecurigaan, prasangka atau keinginan untuk memanipulasi orang lain."

Sri Paus Leo kesal dan sedih atas kes-kes di mana hubungan antara sesama dirosakkan oleh tindakan serta keinginan yang tidak sihat untuk mendominasi, sikap yang sering membawa kepada keganasan, seperti yang ditunjukkan, dengan tragis, misalnya kes pembunuhan besar-besaran wanita dan kanak-kanak perempuan (femisid) baru-baru ini.

Penanda aras kritikal untuk Gereja

Bapa Suci menjelaskan bahawa Roh Kudus membawa buah-buah baik dalam diri kita, mematangkan kita secara rohani untuk memupuk hubungan yang baik dan sihat, dan dengan membukakan hati terhadap Roh Kudus, Ia memperluas sempadan hubungan kita dan membuka kita kepada kegembiraan persaudaraan.

"Ini merupakan ukuran kritikal bagi Gereja, yang mengingatkan bahawa kita hanya dapat menjadi Gereja Tuhan yang Bangkit dan murid-murid Pentakosta jika tiada sempadan atau perpecahan dicetuskan antara kita; jika kita mampu berdialog dan menerima satu sama lain dalam Gereja, dan untuk mendamaikan kemajmukan kita; dan sebagai Gereja, kita menjadi tempat atau Gereja yang mesra, terbuka, ramah dan sahabat untuk semua."

Pentakosta memperbaharui

Bapa Suci juga mengakui bahawa Roh Kudus juga membuka sempadan antara bangsa, menekankan bahawa "nafas Tuhan menyatukan hati kita, membuat kita melihat orang lain sebagai saudara dan saudara kita serta merobohkan halangan dan meruntuhkan tembok ketidakpedulian dan kebencian."

Dengan ini, Sri Paus Leo menegaskan semula, "Pentakosta memperbaharui Gereja, memperbaharui dunia!"

"Semoga hembusan memperbaharui Roh Kudus, datang kepada kita dan dalam diri kita, membuka sempadan hati kami, menganugerahkan kita rahmat pertemuan dengan Tuhan, meluaskan cakrawala cinta kita dan mengekalkan usaha kita untuk membina dunia yang lebih aman serta damai." **Media Vatikan**

Tuhan yang kudus, lucu, cerdas, erotik

Tuhan adalah objek segala keinginan, tidak kira betapa duniawi dan tidak suci keinginan kita.

Segala yang kita inginkan ada di dalam Tuhan. Ini dinyatakan oleh Mazmur dan Yesus sendiri.

Tuhan adalah objek segala keinginan dan hanya dalam Tuhan keinginan terdalam kita akan dipuaskan.

Kita menyatakannya dalam doa kita, mungkin tanpa pernah menyedari apa yang kita katakan: *Jiwaku merindukan-Mu di malam hari. Engkau, Tuhan, sahaja, dapat memenuhi hatiku.*

Kita mengucapkan kata-kata itu, tetapi adakah benar Tuhan yang kita rindui pada malam hari dan yang kita dambakan? Adakah kita benar-benar percaya bahawa Tuhan adalah objek keinginan kita?

Apabila kita melihat apa yang indah, penuh kehidupan, menarik, menggoda secara seksual dan menyenangkan di bumi, adakah kita benar-benar berfikir dan percaya bahawa ini adalah kekayaan dalam Tuhan dan terkandung dalam kehidupan yang diinginkan Tuhan untuk kita?

Adakah kita benar-benar percaya bahawa kegembiraan syurga akan mengatasi kesenangan dunia dan bahawa, di dunia ini, membuat amal kebajikan lebih menggembarakan daripada sensasi dosa?

Tidak mudah untuk mempercayai ini kerana kita bergelut sejak lahir kita bergelut untuk fokus kepada Tuhan.

Sering kali kita mendapati amalan keagamaan dan doa lebih mengganggu kehidupan daripada memasuki kehidupan itu. Ia lebih sebagai kewajipan daripada kegembiraan, lebih sebagai asketisme daripada kesenangan, dan lebih sebagai sesuatu yang menjauhkan kita daripada kehidupan sebenar daripada sesuatu yang membantu kita memasuki kedalamannya.

Tambahan pula, jika kita jujur, kita mesti mengakui bahawa kita sering menyimpan rasa cemburu diam-diam terhadap mereka yang dengan sengaja mengeksploitasi tenaga suci untuk kesenangan mereka sendiri.



Ramai daripada kita dengan tekun melaksanakan tanggungjawab kita dengan tabah, untuk melakukan sesuatu yang lebih bermoral, contohnya si abang sulung dalam kisah Anak yang Hilang.

Kita terlalu kerap melayani Tuhan kerana kewajipan dan marah apabila ramai yang lain tidak melakukannya. Dari sudut kewajipan itu, timbul rasa cemburu yang sukar disembunyikan. Ini juga berlaku dalam seksualiti.

Namun, sebahagian ini adalah semula jadi dan tanda sihat kerana kewujudan fizikal kita, baik dan buruknya sama berat.

Ini secara semula jadi memaksa diri kita dengan cara yang boleh membuatkan perkara-perkara Tuhan dan roh kelihatan abstrak dan tidak nyata. Namun ini hanyalah sifat manusia dan Tuhan sudah tentu memahaminya.

Hanya dalam saat-saat berkat dan mistik tertentu kita secara afektif dapat mengatasi segala yang buruk dan memperluaskan kebaikan.

Oleh sebab itu, adalah berguna untuk

lebih jelas menyingkap sesuatu yang kita akui dalam iman tetapi sukar untuk benar-benar percaya, bahawa semua yang kita temui menarik, cantik, tidak dapat ditolak, erotik dan menyenangkan di bumi ini ada yang lebih unggul, sang Pencipta iaitu Tuhan.

Jika kita percaya bahawa Tuhan adalah pengarang segala yang baik, maka Tuhan lebih tampan daripada mana-mana bintang filem, lebih bijak daripada saintis atau ahli falsafah yang paling cemerlang, lebih kelakar dan lucu daripada pelawak terbaik, lebih kreatif daripada mana-mana artis, penulis, atau inovator, lebih sofistikated daripada orang yang paling berilmu di bumi, lebih ceria dan suka bermain daripada mana-mana kanak-kanak, lebih dinamik daripada mana-mana bintang rock, dan yang paling penting, lebih erotik dan menarik berbanding orang-orang seksi di bumi.

Kita biasanya tidak memikirkan Tuhan dengan cara ini, tetapi kebenarannya dinyatakan dalam Kitab Suci dan dicatatkan dalam dogma Kristian di mana,

pada dasarnya, kita diajar bahawa Tuhan itu satu, benar, baik dan indah serta merupakan pengarang dan sumber utama bagi segala yang satu, baik, benar, dan indah.

Tuhan yang bijak, juga bermaksud Tuhan yang suka bermain dan erotik. Segala yang menarik di bumi ada dalam diri Tuhan.

Dengan mengetahui ini, ia tidak menghilangkan daya tarik benda-benda duniawi. Banyak perkara boleh mengatasi kita: seorang yang cantik, matahari terbenam, sekeping muzik, sebuah karya seni, keghairahan muda, kenakalan seorang kanak-kanak, kepolosan seorang bayi, kecerdasan seseorang, perasaan intim, perasaan nostalgia, segelas wain pada malam yang tepat, suatu getaran dalam seksualiti kita, atau yang paling mendalam, suatu rasa yang belum sempurna tentang keunikan dan nilai kehidupan manusia itu sendiri.

Kita perlu menghormati perkara-perkara ini dan bersyukur kepada Tuhan atas anugerah ini, walaupun kita menyedari bahawa semua ini ditemui dengan lebih kaya di dalam Tuhan dan kita tidak kehilangan apa-apa apabila kebajikan, agama, atau komitmen meminta kita mengorbankan perkara-perkara ini untuk sesuatu yang lebih tinggi.

Yesus sendiri berjanji bahawa apa sahaja yang kita korbankan demi sesuatu yang lebih tinggi akan dikembalikan kepada kita seratus kali ganda.

Mengetahui ini, kita boleh menjalani hidup kita dengan menikmati sepenuhnya apa yang bersifat duniawi.

Keindahan dan kesenangan hidup ini adalah hadiah dari Tuhan, yang dimaksudkan untuk dinikmati. Tambahan pula, dengan menyedari sumbernya, kita juga boleh cukup bebas untuk menerima had-had nyata yang dikenakan oleh kehidupan terhadap keinginan kita.

Lebih baik lagi, kita tidak perlu takut kepada kematian kerana apa yang akan kita hilang akan diliputi seratus kali ganda oleh apa yang kita peroleh. **Hakcipta Terpelihara 1999-2025@Fr Ron Rolheiser**

Sakramen anti-keganasan

Isi utama Injil Lukas (Luk 9:11-17) harus dikaitkan dengan teks sebelumnya, iaituewartakan Kerajaan Tuhan, menyembuhkan orang sakit, mengusir syaitan, dan teks sesudahnya, iaitu tentang penderitaan Yesus.

Tetapi ternyata ketika murid-murid-Nya itu pulang dari pelaksanaan perutusan, mereka masih diberi tambahan perintah lagi, "Kamu harus memberi mereka makan!" iaitu orang-orang yang mengikutinya mereka.

Ternyata Lukas ingin meneruskan dua pesan Yesus yang sangat penting. Pertama: Yesus memperhatikan ramai orang tanpa membeza-bezakan.

Yesus memanggil dua belas murid menjadi rasul yang menggambarkan kedua belas suku bangsa Israel. Namun kedua belas murid itu pula mahu umat yang ramai itu untuk mencari makanan mereka sendiri.

Apakah reaksi Yesus? Dia melarang! Dia melarang dan mengingatkan murid-murid-Nya agar jangan memisahkan diri daripada mereka dan jangan hanya memperhatikan diri sendiri.

Kedua: Yesus menganjurkan murid-murid-Nya untuk berbhagi apa pun, yang ada pada mereka atau mereka

miliki, dengan orang-orang lain yang mengikuti Yesus.

Bagi para murid, ini tidak masuk akal lebih-lebih lagi mereka hanya ada, "lima roti dan dua ikan". Mana mungkin cukup untuk dikongsi dengan ribuan orang!

Namun bagi Yesus, biarpun sedikit, ia harus dibahagikan. Bukan hanya barangan material tetapi kemurahan hati harus dibahagi, dan diperluas bagi mengalahkan batas-batas kepentingannya sendiri!

Di sinilah Lukas ingin meneruskan pesan Yesus, bahawa keselamatan Kristian sejati yang utuh bukanlah hanya cita-cita untuk hidup kekal, melainkan mewujudkan dalam kenyataan hidup sehari-hari, sama ada dalam diri sendiri mahupun terhadap orang lain!

Bukan banyak atau sedikitnya barang, bukan juga kuantiti tetapi kualiti kemurahan atau kerelaan hati – itulah pesan Yesus melalui Injil Lukas kepada kita.

Injil Lukas hari ini tentang pemberian roti dibacakan untuk merayakan Hari Raya Tubuh dan Darah Kristus. Ternyata Injil itu juga menunjukkan kepada kita bahawa Ekaristi adalah suatu Sakramen Perdamaian atau Sakramen Anti-Keganasan/kekerasan (*Sacrament of Nonviolence*).

'Kekerasan' ini bukan sahaja bermaksud kekerasan material tetapi juga kekerasan hati, kekerasan batin, kekerasan rohani. Di dunia kita sekarang ini memang terjadi pelbagai kekerasan.

Injil Lukas secara alkitabiah menggambarkan kesengsaraan Yesus bagaikan pengalaman Anak Domba, yang mati kerana menolak kekerasan sebaliknya mencintai musuhnya, membalas yang jahat dengan kebaikan, mendoakan mereka yang menganiaya-Nya.

Maka Ekaristi adalah sungguh-sungguh sakramen anti-kekerasan. Cara Yesus untuk mengalahkan kejahatan dan kekerasan harus menjadi cara Kristian: bukan dengan jalan kekerasan, melainkan dengan jalan kasih dan pengampunan.

Inilah Injil sejati: jalan yang ditempuh Yesus adalah pelaksanaan intisari atau hati segenap ajaran-Nya, sekaligus merupakan hati atau titik pusat penderitaan dan kematian-Nya demi kasih!

Ekaristi sebagai pemberian diri Tubuh dan Darah Kristus dan ungkapan kasih-Nya kepada kita.

Kasih-Nya itu adalah pengampunan, adalah pengenalan diri-Nya yang sebenarnya. Kasih bukan iri hati, tidak menipu, tidak membalas dendam. Seluruh

HARI RAYA TUBUH DAN DARAH YESUS

KEJADIAN 14:18-20
1 KORINTUS 11:23-26
INJIL LUKAS 9:11-17

Tubuh dan Darah-Nya dikorbankan dan diberikan kepada kita. Memang, tidak ada kasih lebih besar daripada kasih-Nya yang mengorbankan diri-Nya bagi kita.

Sejauh manakah, setelah sekian kali menerima Ekaristi, Tubuh dan Darah Kristus, kita berasa menjadi orang Kristiani sejati dalam kalangan sesama orang Krisian, lingkungan keluarga, masyarakat dan Gereja.

Seperti permintaan Yesus kepada murid-murid-Nya, bersediakah aku berbhagi dengan sesama "walaupun yang ada padaku tidak lebih daripada lima roti dan dua ikan?" Bersama merayakan Ekaristi, maksudnya menerima bersama-sama Tubuh dan Darah Kristus yang sama, namun jika tidak sanggup saling menolong, sesungguhnya bertentangan dengan Injil Yesus hari ini kepada kita. Amin.
Msgr F. X. Hadisumarta O.Carm.

Majlis 'perpisahan' untuk Rev Kennedy Nakudah

Keningau : Pada 2 Jun 2025 Komuniti umat Katolik di Keuskupan Keningau bersatu dalam doa dan syukur dalam Misa Kudus Kesyukur yang diadakan di Katedral St. Francis Xavier, Keningau pada jam 5.00 petang.

Misa ini bukan sekadar perayaan liturgi, tetapi juga sebagai ungkapan penghargaan kepada Fr Kennedy Nakudah atas khidmat dan dedikasi beliau dalam Komiti KKD *Service Team*, serta pengutusan kepada Fr Ronnie Luni dan Fr Francis Dakun yang memulakan pelayanannya secara rasmi di

paroki Katedral St Francis Xavier. Fr Kennedy diutus untuk melayani di paroki Beaufort, berkuat kuasa Jun 1, 2025.

Dalam homilinya, Fr Kennedy menyampaikan kesyukuran dan pengharapan bagi semua yang terlibat dalam pelayanan komuniti.

Katanya melayani bukanlah satu tugas yang mudah, tetapi satu pelayaran yang membawa kenangan manis dan juga cabaran yang menguji kesabaran, keikhlasan dan kasih kita kepada sesama.

Paderi yang ditahbis pada April

17, 2024 itu mengajak hadirin agar terus setia dalam pelayanan, meskipun berhadapan dengan kepayahan, keletihan atau salah faham.

Mengenai perpindahannya, paderiyang berasal dari Apin Apin Keningau itu mengatakan perpisahan dan pertukaran tugas adalah lumrah dalam pelayanan imam.

Fr Kennedy akan terus berdoa agar semakin ramai umat khususnya beliau untuk membuka hati serta melibatkan diri dalam pelayanan Gereja. Wilfred



Caritas MJD bantu Orang Asli selesai masalah air

TANGKAK, Johor: Komuniti Orang Asli di Tanah Gembur, Bekoh, meraikan pencapaian besar dengan kejayaan penyelesaian projek paip air.

Ini adalah usaha kolaboratif antara Caritas Keuskupan Melaka Johor (MJD), *Lions Club* Johor, dan sukarelawan muda dari *Leo Clubs* dan Universiti Raffles.

Komuniti Orang Asli menghadapi kekurangan air semasa musim kemarau lalu memohon bantuan untuk membina saluran paip sepanjang empat kilometer dari sumber hulu dari dalam hutan.

Caritas MJD mencadangkan projek tersebut kepada *Lions Club* Johor, yang berjaya



mendapatkan geran sebanyak USD5,000 (RM21,238.12) daripada *Lions Club International* untuk memulakan inisiatif tersebut. Caritas MJD dan Universiti Raffles menyumbang

RM7,000, menjadikan jumlah yang dikumpulkan kira-kira RM30,000.

Pemasangan paip baharu memastikan bahawa perkampungan Orang Asli mendapat manfaat

daripada dua sumber air yang berasingan, yang secara signifikan meningkatkan keselamatan air dan tidak terjejas semasa musim kemarau.

Selain memenuhi keperluan

dasar, inisiatif ini juga merangkumi pengubahsuaian dapur komuniti yang sudah uzur dan bocor.

Setelah dipulihkan, kemudahan yang dinaik taraf ini meningkatkan kesejahteraan dan kehidupan harian penduduk dengan menyediakan ruang bersama yang lebih selamat dan berfungsi.

Sebuah majlis pembukaan ringkas telah diadakan untuk meraikan kejayaan projek tersebut dengan Fr Aaron Alammalay.

Sijil penghargaan disampaikan kepada penyumbang utama. Para sukarelawan *Leo Club* juga menganjurkan aktiviti menanam pokok bersama komuniti Orang Asli.

KENINGAU: Kem Evangelisasi Peribadi Kumpulan (KEP) yang keempat telah berakhir pada Jun 8 lalu apabila 134 peserta telah diutus.

Bertempat di Rumah Retret Keuskupan Keningau, Tatal, upacara pengutusan dipimpin oleh Msgr Gilbert Lasius.

Daripada 134 peserta tersebut, 83 peserta merupakan dari Keuskupan Agung Kota Kinabalu, 50 peserta dari Keuskupan Keningau dan seorang daripada Keuskupan Sandakan.

Peserta yang tamat kursus diberikan Alkitab dan lilin sebagai simbolik pengutusan.

Dalam homilinya, Msgr Gilbert mengucapkan tahniah kepada semua peserta yang telah diutus dan menyeru mereka agar terus bersemangat khususnya dalam penginjilan.

"Seperti tiupan angin yang tidak kelihatan namun kita mampu merasakan kesannya, begitu juga dengan cintakasih Tuhan yang tidak kelihatan tetapi pasti dapat mengubah kita."

"Bermohonlah selalu kepada Roh Kudus agar Dia membimbing kita sebagai saksi Kristus bukan sahaja untuk orang-orang di sekeliling kita tetapi untuk semua bangsa," kata Msgr Gilbert.

Tim KEP kali keempat dibantu oleh pasukan KEP daripada Keuskupan Bogor, Indonesia, yang terdiri daripada Fr Yohanes Suradi, Sdra Yacobus dan Sdra Toni Wahyu.



134 peserta tamat KEP-4 di Keningau

Dalam ucapannya, Fr Yohanes meluahkan rasa bangga dengan kejayaan program KEP di Sabah dan akan terus menyokong program serta pembaikan KEP. Pengetua program KEP, Sr Dariah Ajap, FSIC, mengucapkan tahniah kepada semua peserta dan berharap para peserta terus aktif mewartakan sabda Tuhan, memperbaiki kaedah penginjilan dan menjadi peribadi yang lebih baik.

Pengerusi Pelaksana KEP, Sdri

Jufina pula mengucapkan terima kasih kepada pasukan penganjur dan kepada para peserta, beliau mengatakan, "Bagi semua yang telah diutus, kini, anda semua alumni KEP."

KEP kali keempat bermula pada Ogos 7, 2024 sehinggalah Mac 2025. Para peserta perlu mengikuti 10 sesi katekesis, latihan praktikal melalui kunjungan ke rumah-rumah dan akhirnya ujian bertulis. **Juanis Markus**

Mengusahakan kebaikan dengan komuniti pelbagai agama

KUALA LUMPUR: Paroki Kristus Aman (KA) di Taman Tun Dr Ismail (TTDI) baru-baru ini menganjurkan Majlis Jamuan Teh Paskah yang mengumpulkan rakan-rakan dari pelbagai komuniti agama sekitar TTDI.

Acara tersebut dicadangkan oleh Fr William Michael dan dianjurkan oleh Pelayanan Hal Ehwal Ekumenikal dan Antara Agama (PMIEA) Paroki, dengan sokongan pasukan beliau KA.

Antara tetamu yang hadir adalah ahli-ahli Komuniti Bahai, *Full Gospel Assembly*, Kuil Sri Maha Mariamman, Gereja Lutheran Damansara Utama, dan Pusat Injil TTDI.

Perwakilan dari Masjid Al-Taqwa tidak dapat hadir kerana komitmen yang tidak dapat

dilakkan. Mereka menyampaikan salam mesra dan berharap dapat menyertai perjumpaan yang akan datang.

Fr William memulakan majlis dengan ucapan selamat datang seraya berkata "Walaupun kita berlainan kepercayaan tetapi kita percaya kepada satu kebenaran iaitu semua kita berusaha untuk kebaikan."


Majlis diteruskan dengan tayangan slaid pendek tentang sejarah KA dan pelbagai aktiviti komuniti yang pernah diadakan di KA.

Majlis diakhiri dengan lawatan singkat ke kapel untuk tetamu yang berminat dan penerangan mengenai seni bina dan elemen-elemen suci di dalam kapel, diterangkan semasa lawatan itu.



Sahabat kecil Yesus


Dapatkan adik-adik mengenal pasti dua gambar yang sama?




Jawapan: B & D

Warna ikut nombor

Susun semula petikan ayat Alkitab pada bahagian A. Pada bahagian B, tuliskan satu perkataan yang tertinggal.



- 1. Coklat gelap
- 2. Merah
- 3. Kuning
- 4. Merah jambu
- 5. Kelabu



(Lukas 9: 11-17)

A.

B. menengadahkan ke langit dan mengucapkan syukur kepada Tuhan.

Hello adik-adik,

Apa khabar? Hari Minggu ini, kita menyambut perayaan Tubuh dan Darah Yesus.

Pada ketika ini, pasti ramai rakan-rakan kita yang menyambut Tubuh Kristus buat pertama kalinya.

Kebanyakan Gereja juga membuat aktiviti khusus pada hari ini, misalnya seminar tentang Ekaristi, pameran Ekaristi, perarakan dan banyak lagi.

Adik-adik, sempena perayaan

Tubuh dan Darah Yesus ini, antie ingin bertanya kepada adik-adik, "Apakah makna Ekaristi dalam kehidupan adik-adik?"

Bagi antie, perayaan Ekaristi adalah segala-galanya. Tidak ada devosi, doa dan puasa yang dapat menggantikan Ekaristi.

Dalam pembacaan Injil, kita mendengar Yesus yang begitu penyayang dan mempunyai mukjizat menggunakan lima roti dan dua ikan untuk memberi makan kepada ribuan orang.

Adik-adik, pembacaan Injil

juga ingin menyatakan kepada kita bahawa Yesus amat pemurah sehingga memberi makan kepada ribuan orang.

Perhatikan, Yesus memberi makan sama rata. Dia tidak memilih untuk memberi makan kepada golongan lelaki atau golongan wanita sahaja.

Dalam hal ini, hati Yesus juga sangat mudah tergerak oleh belas kasihan.

Padahal mungkin ada dalam kalangan orang ramai itu membawa banyak makanan, namun

begitu, Yesus tetap berusaha memberi makan dan Dia berjaya memberi makan kepada orang ramai itu sehingga mereka makan dengan kenyang!

Adik-adik, setiap kali kita makan Tubuh Kristus, kerohanian kita juga semakin kuat. Semoga kita juga dapat meneladani Yesus, untuk terus berbuat kebaikan dan bertahan dalam iman!

Salam Sayang
Antie Melly

BELIA

PLENTONG: *Faith Unshaken-Serving & Inspiring* merupakan tema bagi penganjuran program *Malacca Johore Catholic Campus Day*. Perancangan program ini telah diilhamkan pada lima tahun lepas namun disebabkan pandemik, program ini terpaksa ditangguhkan.

Pada tahun ini, dengan kerjasama MJDYPN dan *Campus In Action (C.I.A)*, MJCCD 1 telah berjaya dianjurkan selama dua hari satu malam di Pusat Majodi, Plentong.

Seramai 77 pelajar Katolik dari pelbagai kampus Melaka dan Johor antaranya UTM, UiTM, MMU, UTeM, UTHM dan Politeknik, telah menghadiri program ini.

Bersahabat dengan Yesus dan sesama

Antara maklum balas yang diterima daripada para peserta ialah perhimpunan tersebut telah mengingatkan mereka kembali tentang panggilan Tuhan sekaligus menjadi pembimbing kepada rakan-rakan di kampus masing-masing.

Mereka juga mengatakan bahawa iman harus tetap utuh dan tidak mudah goyah apabila melayani di mana jua dengan sentiasa meletakkan kepercayaan terhadap rencana Tuhan.

Iman yang tidak mudah goncang

MJDYPN telah menjemput Fr Paul Sia untuk memberi perkongsian kepada para pelajar.

Memetik petikan dari Ibrani 11:1 "Iman adalah dasar dari segala sesuatu yang kita harapkan dan bukti dari segala sesuatu yang tidak kita lihat", Fr Paul mengambil ilham dari Kisah Nabi Nuh dan Nabi Ibrahim yang telah meletakkan kepercayaan penuh terhadap rencana Tuhan.

Sifat ini seharusnya ada pada setiap pelajar terutamanya para mahasiswa yang

Mahasiswa idam miliki iman tak mudah goncang



terdedah dengan pelbagai cubaan dari persekitaran yang cukup mencabar.

Gabungan doa dan usaha, pasti akan membuahkan hasil yang positif.

Mahasiswa sebagai komunikator Harapan dan Iman di kampus

Program *Faith Unshaken* menjadi batu loncatan kepada para C.I.A dan juga komuniti *Christian Fellowship* serta *Catholic Student Society* agar untuk terus teguh dalam membimbing komuniti masing-masing di kampus.

Faith Unshaken telah menguatkan iman para mahasiswa untuk menghadapi pelbagai cabaran dan mereka juga bersemangat untuk membimbing rakan-rakan sekampus mereka untuk menyedari kehadiran Kristus di tengah-tengah kita. **Aloysius Ire-naeus Dukson**



Kaum muda adalah permata Gereja

BENTONG: Uskup Agung Julian Leow telah memberikan pelayanan Sakramen Krisma kepada empat krismawan muda di Gereja Hati Kudus, baru-baru ini.

Dalam ritus Penguatan ini, Uskup Agung Julian telah dibantu oleh paderi paroki, Fr Clement Lim.

Dalam homilinya, Uskup Agung Julian menekankan perpaduan sebagai ciri khusus Gereja Katolik.

"Salah satu ciri utama Gereja Katolik ialah kesatuan—kita mempunyai satu iman, satu pembaptisan, dan satu Tuhan," katanya.

"Gereja Katolik ialah Gereja Apostolik yang telah melayani dunia selama lebih 2,000 tahun."

Prelatus itu menjelaskan sejarah awal Gereja yang menghadapi banyak cabaran misalnya godaan ajaran sesat dan penganiyaan.

Bapa Uskup Agung mengajak umat untuk memperkuat kesatuan melalui perayaan Ekaristi dan pelayanan.

Beliau mengingatkan tentang doa

Yesus, yang mendoakan kita agar kita semua menjadi satu."

"Walaupun terdapat banyak denominasi Kristian, kita tetap dan seharusnya terus berdoa untuk perpaduan. Meskipun ada banyak perbezaan dalam doktrin namun kita boleh bekerjasama dalam banyak bidang, misalnya menangani masalah sosial dan ekologi."

Menekankan peranan Roh Kudus, Uskup Agung Julian mengingatkan umat bahawa Roh membawa kebenaran dan kejelasan, mengesahkan bahawa Yesus adalah wahyu penuh dan akhir Tuhan.

"Tidak ada ajaran baru selepas Yesus," katanya. "Roh Kudus mendedahkan dan mengesahkan semua yang diajarkan oleh Yesus." Uskup Agung

juga menggesa umat untuk meneladani Sto Stefanus, martir pertama, yang meskipun diancam hebat namun mempertahankan imannya hingga akhir hayatnya.

Uskup Agung Julian juga menjelaskan bahawa Gereja Katolik mempunyai Magisterium dan ajaran Gereja bagi membimbing umat dalam kebenaran dan keaslian interpretasi Firman Tuhan."

Prelatus itu mengakhiri homilinya dengan menekankan penggunaan AI, yang boleh membantu dan meningkatkan kualiti hidup tetapi juga meleakakan.

Fr Clement Lim dalam ucapannya mengucapkan tahniah kepada para krismawan dan mengungkapkan rasa terima kasih kepada Uskup Agung Julian kerana datang ke Bentong untuk melawat komuniti paroki kecil di Pahang. Fr Clement turut menyeru orang muda Katolik agar berani ke hadapan dan melibatkan diri dalam pelbagai pelayanan Gereja.



Keuskupan di Indonesia raya ulang tahun dengan katekesis, forum misi



SEMARANG: Keuskupan Agung Semarang merayakan persiapan menjelang ulang tahunnya yang ke-85 dengan forum di Pusat Pastoral Sanjaya (PPSM) di Muntilan pada Jun 7.

Forum ini berpusat pada tema "Perjalanan Bersama, Berkongsi Berkat," yang selaras dengan Tahun Jubli Gereja Sejangat, "Peregrinantes in Spem (Penziarah Harapan)."

Puluhan paderi, religius, katekis dan pemimpin awam berkumpul untuk forum bertajuk Dinamika Kehidupan Gereja di KAS, yang mencerminkan perjalanan sejarah dan identiti misi keuskupan agung tersebut.

"Kami mahu memperbaharui semangat para misionari dan katekis yang membangun Gereja di Jawa Tengah," kata Fr Yohanes Gunawan, ketua acara dan dekan Seminari utama keuskupan di Semarang.

Fr Hasto Rosariyanto SJ, seorang pakar dalam sejarah Gereja, menekankan asas kerjasama antara misionari dan katekis, menggambarkan mereka sebagai "dua sayap yang membolehkan Gereja terbang tinggi."

Beliau menggariskan enam jenis paroki yang membentuk landskap pastoral keuskupan agung—dari gereja-gereja kampung tradisional hingga pusat-pusat bandar.

Fr CB Mulyatno Pr, Dekan Fakulti Teologi di Universiti Sanata Dharma, menekankan identiti keuskupan

agung sebagai Gereja misi, dengan menyatakan bahawa sinergi antara institusi, komuniti dan individu telah mengekalkan kehadiran pastoralnya yang dinamik.

"Sejak beberapa dekad yang lalu hingga ke masa kini, keuskupan yang paling 'subur' di negara ini dalam melatih seminari dan tokoh-tokoh agama masih terus menghantar ramai paderi, religius dan misionari awam ke seluruh Indonesia, sambil mengekalkan pembentukan kateketikal yang kukuh," katanya.

Salah satu acara penting ialah penganugerahan Anugerah Sarikrama, yang menghargai katekis dan pelayan awam yang cemerlang.

Anugerah tersebut memperingati Barnabas Sarikrama, katekis asli yang pertama dan berpengaruh di Jawa.

Usaha penginjilannya telah menyumbang kepada pembaptisan sekurang-kurangnya 171 orang Katolik Jawa.

Pada tahun 1928, Sri Paus Pius XI menganugerahkannya medal *Pro Ecclesia et Pontifice*.

Kemuncak perayaan akan diadakan pada Jun 29, 2025 dengan perayaan Ekaristi di Stadium Semarang.

Dijangka 20,000 umat akan hadir dengan kehadiran para uskup dari seluruh tanah Jawa. Acara kemuncak itu termasuklah festival, pertandingan liturgi dan pelbagai acara amal. **LICAS NEWS**

Pemimpin antara iman Asia bincang visi dialog Sri Paus Fransiskus

BANGKOK: Pemimpin agama daripada agama Buddha, Islam dan Kristian di seluruh Asia telah memberi penghormatan kepada komitmen mendiang Sri Paus Fransiskus terhadap dialog antara agama, menggambarkan legasinya sebagai cahaya panduan untuk perpaduan dan belas kasihan di kawasan yang ditandai dengan kepelbagaian.

Komen tersebut dibuat semasa meja bulat dalam talian yang dihoskan minggu lalu oleh Pusat Penyelidikan Asia untuk Agama dan Komunikasi Sosial (ARC), yang berpusat di Universiti St John di Bangkok.

Forum yang bertajuk "Warisan Dialog Antara Agama Sri Paus Fransiskus di Asia" telah menghimpunkan pemimpin agama dan cendekiawan untuk merenungkan pendekatan dialog mendiang Bapa Suci tersebut, terutamanya dalam konteks masyarakat pelbagai agama di Asia.

Fr Anthony Le Duc, SVD, pengarah eksekutif ARC dan moderator perbincangan, memulakan acara tersebut dengan menyatakan kesesuaian pertemuan itu berikutan pemergian Bapa Suci Fransiskus dan pemilihan Sri Paus Leo XIV pada bulan Mei lalu.

"Kita bertemu pada saat yang penting," kata Fr Le Duc. "Mendiang Sri Paus Fransiskus mengingatkan kita bahawa dialog bukan sekadar alat diplomatik tetapi perjalanan suci pertemuan, mendengar dengan mendalam, dan berjalan bersama merentasi perbezaan."



Mewakili komuniti Buddha, Dr Peter Chaiyasena memuji kerendahan hati Sri Paus Fransiskus dan seruannya konsisten "Tolong doakan saya," yang, katanya, melambangkan keterbukaannya dan ketulusannya.

Beliau mengimbas lawatan apostolik Bapa Suci ke Thailand pada tahun 2019 sebagai "perjalanan seorang sahabat sejati dan akrab Bangsa Thai," menekankan bagaimana lawatan tersebut mengukuhkan hubungan antara Gereja Katolik dan Thailand.

Dari Indonesia, Dr Kamaruzzaman Bustamam Ahmad dari Universiti Islam Negeri merenungkan penglibatan Sri Paus Fransiskus dengan dunia Muslim.

Dr Kamaruzzaman merujuk

"Deklarasi Istiqlal 2024," yang dikeluarkan semasa lawatan Fransiskus ke Indonesia, demi mempromosikan keharmonian antara agama dan tanggungjawab terhadap alam sekitar.

"Kemampuannya Sri Paus Fransiskus untuk memberi inspirasi harapan dalam kalangan komuniti pelbagai agama adalah peringatan yang kuat bahawa kita semua terhubung sebagai satu keluarga manusia," ujar Dr Kamaruzzaman.

Para peserta bersetuju bahawa Fransiskus memainkan peranan penting dalam memajukan dialog antara agama di Asia, terutamanya melalui lawatan pastoralnya, bahasa inklusif dan pendirian tegasnya terhadap keadilan ekologi dan sosial. **LICAS NEWS**

Wanita religius berijazah diseru kongsi kemahiran dengan murah hati

VATIKAN: Baru-baru ini, Kardinal Luis Antonio Tagle memimpin Misa perpisahan untuk religius yang telah menamatkan pengajian universiti mereka di Roma.

Selama berabad-abad, Università Urbaniana telah menjadi sebahagian penting program untuk Dikasteri untuk Evangelisasi (dahulu dikenali sebagai *Propaganda Fide*).

Perpisahan yang ceria

Para religius itu merupakan anggota pelbagai kongregasi agama tetapi mereka tinggal bersama sebagai sebuah komuniti di *Collegio Missionario "MATER ECCLESIAE,"* yang terletak di Castel Gandolfo, sebuah bandar kecil di luar kota Roma. Setiap hari mereka pergi ke Roma untuk kelas dan penyelidikan akademik mereka.

Kardinal Tagle, Pro-Prefek Dikasteri untuk Evangelisasi dan *de facto Grand Chancellor* Universiti



Urban Pontifical, merayakan Misa perpisahan di Castel Gandolfo.

Walaupun para biarawati yang tinggal kelihatan sedih melihat rakan-rakan mereka yang akan meninggalkan kediaman untuk pulang ke negara asal mereka, namun terdapat juga rasa syukur atas pencapaian para biarawati.

Semasa homili, Kardinal Tagle merenungkan pertemuan antara Maria dan Elizabet, (yang kehamilannya kelihatan mustahil secara manusiawi).

Walaupun dengan keterbatasan mereka, kedua-dua wanita itu menyerah kepada kehendak Tuhan. Keterbukaan mereka kepada

Roh Kudus mengubah kelemahan mereka menjadi peluang untuk karya pengudusan Tuhan.

Kardinal Tagle menggesa para biarawati, terutamanya mereka yang baharu sahaja menamatkan pengajian mereka, untuk membawa kehadiran Tuhan bersama mereka, menjadi saksi kepada

kasih dan rahmat-Nya di dunia yang sering digoda oleh kegelapan dan putus asa.

Kongsi kemahiran anda dengan murah hati

Sr Genowefa Kudlik, Pengarah *Collegio Missionario "MATER ECCLESIAE,"* mengucapkan tahniah kepada para biarawati atas pencapaian mereka dan berdoa agar mereka menaburkan benih pengetahuan baharu yang mereka peroleh di tempat masing-masing.

Beliau menggalakkan mereka untuk berkongsi kemahiran mereka dengan murah hati—bukan sahaja dengan jemaah mereka tetapi juga dengan Gereja dan kemanusiaan secara keseluruhan.

Sr Genowefa mengingatkan mereka agar hidup dengan rendah hati di hadapan Tuhan, bahawa, "Segala-galanya mungkin jika kita membuka hati kita kepada Tuhan."

Media Vatikan

Tiada seruan yang tidak didengar oleh Tuhan

VATIKAN: Sri Paus Leo XIV menggunakan katekesisnya semasa Audiens Umum Rabu untuk menekankan satu lagi aspek penting dalam kehidupan Yesus, iaitu, "Penyembuhan-nya."

Bapa Suci merenungkan kisah Injil tentang penyembuhan seorang buta, Bartimeus, yang berseru kepada Yesus ketika Dia melalui kota Yerikho dalam perjalanan ke Yerusalem.

Tempat pertemuan mereka, kata Sri Paus, adalah penting, kerana Yesus memulakan perjalanan-Nya di bawah paras laut dan naik ke Kota Suci.

Perjalanan Yesus membayangkan perjalanan-Nya ke "dunia bawah" (alam maut) iaitu tempat di mana Dia pergi selepas kematian-Nya "untuk membawa kembali Adam yang jatuh dan mewakili kita semua."

Nama lelaki buta itu, Bartimeus, juga signifikan kerana mewakili seseorang yang telah gagal memenuhi panggilannya.

Bapa Suci Leo menyatakan bahawa nama itu boleh ditafsirkan sebagai "anak yang terhormat atau penghormatan", sedangkan lelaki buta itu dipandang acuh tak acuh sehingga menjadi pengemis di tepi jalan.

Sri Paus Leo XIV menekankan bahawa Bartimeus tahu bagaimana untuk melancarkan permintaan pertolongan, walaupun dicela oleh orang ramai dan, walaupun dia buta, "dia melihat lebih baik daripada yang lain kerana dia mengenali siapa Yesus."

Yesus menjawab seruannya kerana, "Tiada seruan yang tidak didengar oleh



Tuhan, walaupun kita tidak sedar kita sedang memohon kepada-Nya."

Namun, kata Sri Paus, Yesus tidak pergi kepada Bartimeus sebaliknya memanggil Bartimeus datang kepada-Nya. Bartimeus, mesti "menanggalkan jubahnya atau melepaskan keselesaan untuk membolehkan dirinya sembuh.

"Banyak kali, sebenarnya, penyelesaian kita yang menghalang kita," kata Bapa Suci Leo. Seperti orang buta, kita mesti muncul di hadapan Kristus dengan semua kelemahan kita yang memalukan. Ini adalah langkah asas dalam mana-mana proses penyembuhan."

Akhirnya, Bapa Suci menarik perhatian kepada soalan Yesus, "Apa yang kamu mahu Aku lakukan untukmu"; dan jawapan Bartimeus: "Pulihkanlah pengli-

hatanku."

Jawapan Bartimeus juga menunjukkan bahawa lelaki buta itu bukan sahaja ingin melihat semula, tetapi juga "memulihkan maruah-nya."

"Kadang-kadang," kata Sri Paus Leo, "hidup seseorang tidak dapat diubah kerana masyarakat menghina mereka, dan mereka hanya ingin menemukan nilai diri mereka semula."

"Seperti Bartimeus, kita semua diselamatkan oleh iman. Yesus menyembuhkan kita supaya kita boleh menjadi bebas."

Dan walaupun Tuhan tidak memanggil Bartimeus untuk mengikut-Nya, Bartimeus bebas memilih untuk "mengikut Dia yang adalah Jalan dan Kebenaran!" **Media Vatikan**

Jus rohani untuk jiwa

Semua orang, sama ada paderi, religius atau awam, telah diberikan karunia istimewa daripada Roh Kudus yang membantu menguatkan kita dalam panggilan khusus kita.

Kadang-kadang, kita menyangka kita tidak istimewa dan tidak mempunyai apa-apa untuk ditawarkan kepada dunia.

Ini sering kali membawa kita kepada perasaan iri hati atau cemburu terhadap orang lain, menginginkan apa yang mereka miliki kerana kita fikir Tuhan telah memberikan mereka sesuatu yang istimewa yang kita tidak miliki.

Walaupun benar bahawa Tuhan memberikan setiap orang sesuatu yang unik, kita perlu berfikir dan merenung dengan dalam bahawa Tuhan sebenarnya telah memberikan anugerah istimewa kepada kita.

Hadiah Roh Kudus

Tuhan mempunyai rancangan khusus untuk setiap kita dan telah memberikan kita anugerah-anugerah unik yang hanya kita miliki.

Dokumen Konsili Vatikan Kedua, *Lumen Gentium*, menekankan ajaran asas Gereja Katolik ini: Bukan hanya melalui sakramen dan pelayanan Gereja, Roh Kudus menguduskan dan memimpin umat Tuhan serta memperkayakannya dengan kebajikan, malah, "memberikan karunia-Nya kepada setiap orang menurut kehendak-Nya, Dia membahagi-bahagikan rahmat istimewa dalam kalangan orang beriman."

Terutama bagi orang awam, kita mungkin berfikir bahawa kita tidak "istimewa" atau "kurang penting" di mata Tuhan.

Kita melihat semua paderi dan religius bahawa Tuhan memberikan mereka lebih ban-



Saya tidak istimewa di mata Tuhan?

yak anugerah daripada kita.

Apa yang perlu kita akui adalah Roh Kudus tidak memberikan karunia mengikut "pangkat," tetapi memberikan setiap kita panggilan unik, seperti yang dijelaskan dalam *Lumen Gentium*:

Dengan karunia-karunia ini, Dia menjadikan mereka layak dan bersedia untuk melaksanakan pelbagai tugas dan jawatan yang menyumbang kepada pembaharuan dan pembinaan Gereja, menurut kata-kata Rasul: "Penyataan Roh diberikan kepada setiap orang untuk keuntungan".

Sering kali anugerah-anugerah ini dipanggil "karisma," yang merupakan perkataan Yunani yang digunakan dalam Perjanjian Baru untuk "rahmat" atau "anugerah percuma." Setiap daripada kita mempunyai

karisma (atau pelbagai karisma) yang diberikan oleh Roh Kudus kepada kita supaya kita dapat membawa cahaya ke dunia.

Terserah kepada kita untuk menerima anugerah itu dengan hati yang gembira dan menggunakannya untuk kebaikan dunia:

Karisma-karisma ini, sama ada yang lebih menonjol atau yang lebih sederhana dan meluas, harus diterima dengan rasa syukur dan penghiburan kerana ia sangat sesuai dan berguna untuk keperluan Gereja.

Tuhan mengasihi semua kita dan telah memberikan kita satu anugerah istimewa yang hanya anda boleh gunakan. Kita perlu menghargai, merenung serta menilai anugerah itu dan bergembira kerana Tuhan telah memandang kita dengan penuh kasih. **Aleteia**

PENULIS BERKICAU

Kerohanian sukan

"Setiap ahli sukan yang bertanding dalam sukan berlatih dengan gigih, kerana ingin mendapat mahkota, walaupun mahkota itu tidak kekal. Tetapi kita menjalani latihan yang ketat untuk mendapat mahkota yang kekal." (1 Kor 9:25).

Saya pasti, ramai antara kita yang tidak asing dengan "Pelayanan Sukan dan Rekreasi" dalam Gereja. Bagaimana sukan mempunyai hubungan dengan iman?

Sesungguhnya, hubungan iman dan bidang sukan telah wujud sejak awal sejarah Kristian, apabila Sto Paulus menggunakan beberapa contoh tentang sukan dalam menyebarkan Berita Baik.

Rujukan dalam Surat Pertama kepada orang Korintus merupakan penjelasan yang paling mudah seperti pada zaman kita sekarang, sukan adalah tumpuan penting masyarakat dan menjadikannya sebagai alat pastoral yang mungkin dapat membantu ramai umat semakin bersatu dan akrab.

Ketika artikel ini ditulis, Vatikan sedang mengadakan Jubli Sukan pada Jun 14-15 yang dibuka dengan persidangan antarabangsa, bertajuk "Momentum Harapan."

Tema "Momentum Harapan" ini mengingatkan saya akan kisah Alaa al Dali, seorang pelumba basikal profesional berbakat dari Palestine.

Alaa bertekad untuk bersaing di peringkat antarabangsa. Mimpinya adalah untuk mewakili Palestine di Sukan Asia di Jakarta. Namun impiannya musnah kerana tanah airnya diganggu oleh keganasan.

Alaa yang lahir dan dibesarkan di Jalur Gaza, sebuah tempat yang sering ditandai dengan konflik dan kesusahan. Meskipun dalam peperangan, Alaa terus berlatih di jalan-jalan kasar Gaza, berpegang pada harapan.

Tetapi impiannya terputus apabila beliau terkena tembakan di kaki oleh penembak Israel. Peluru yang direka untuk menyebabkan kerosakan maksimum, merosakkan saraf kaki sehingga kakinya terpaksa dipotong demi menyelamatkan nyawanya.

Mimpinya tentang Jakarta hilang — tetapi semangatnya tidak. Dengan ketahanan yang luar biasa, Alaa mengubah tragedi peribadi menjadi misi baharu. Bersama dengan rakan penunggang basikal yang lain, mereka menubuhkan sebuah pasukan para-berbasikal (*para-cycling team*) dengan nama *Sunbirds*.

Sunbirds merujuk kepada burung kecil yang berasal dari kawasan tersebut, yang dapat terbang tinggi tanpa kaki!

Alaa menggunakan minatnya dalam sukan, untuk memberitahu dunia bahawa "setiap kayuhan merupakan harapan untuk Gaza".

Sejak dilantik sebagai penerus Takhta Sto Petrus, Sri Paus Leo XIV juga sering bertemu dan memberkati para atlet misalnya (sekadar menyebut beberapa nama) para pelumba basikal Giro, ahli-ahli *club* pemain bola sepak Naples dan juga pemain tenis No. 1 dunia, Jannik Sinner.

Saya menyedari beberapa Gereja mempunyai komiti sukan namun tidak aktif dan kurang diperhatikan. Kepada sebuah kumpulan pelumba basikal, Sri Paus Leo XIV pernah berkata, "Ketika anda bersukan/bersenam, kita menjaga tubuh dan rohani kita. Sentiasalah peka kepada keseluruhan diri: badan, minda, hati dan roh."

MARI dan jadilah komuniti pemberita HERALD.
Kami amat mengalu-alukan sumbangan artikel, pendapat dan perkongsian anda.

Kami mengalu-alukan artikel dalam 400-500 patah perkataan, gambar high-resolution (300 DPI) dalam format JPG atau PNG serta berkapsyen.

Anda boleh menghantar artikel kepada liza@herald.com.my

atau
WhatsApp: 011-26391498



Kesejahteraan mental penting untuk peribadi dan komuniti



PETALINGJAYA:Sebagai tindakbalas kepada kebimbangan kesihatan mental yang semakin meningkat di Malaysia, Komisi Kehidupan Keluarga Keuskupan Agung (AFLC), bekerjasama dengan beberapa orang kaunselor, ahli terapi, ahli psikologi, Pakar Psikiatri Katolik Malaysia (CCTPPM) dan Pelayanan Kehidupan Keluarga Gereja Assumption telah menganjurkan Bengkel Kesejahteraan Mental bagi meningkatkan kesedaran dan pemahaman tentang kesihatan mental dalam komuniti Katolik.

Diadakan di Dewan Volle, bengkel itu telah menarik lebih 100 peserta dari pelbagai paroki di seluruh Keuskupan Agung Kuala Lumpur.

Bengkel dikendalikan oleh Profesor Dr Xavier V. Pereira, seorang pakar psikiatri dan psikoterapi yang terkenal.

Berlandaskan model Biopsikososial yang diperkenalkan oleh Dr George Engel, para peserta mengikuti sesi yang menarik dan interaktif, termasuk perbincangan dan kajian kes, bagi mempelajari konsep psikologi yang kompleks dengan cara yang praktikal dan mudah difahami.

Pada hari pertama bengkel, para peserta memberi tumpuan kepada Kesejahteraan Mental: Memahami Tekanan dan Kebimbangan, meneroka simptom fizikal, emosi, tingkah laku dan tekanan psikologi serta kesannya terhadap hubungan.

Keesokan harinya, sesi Kesejahteraan Mental: Memahami Kemurungan mengajak para peserta meneliti topik-topik seperti pencegahan diri, kesedaran bunuh diri dan strategi untuk

menguruskan konflik interpersonal.

Dr Xavier menekankan bahawa walaupun tekanan adalah sebahagian daripada kehidupan yang semula jadi, bahkan dialami oleh Yesus di Taman Getsemani (Matius 26:36 – 46), ia boleh diuruskan melalui gabungan alat psikologi dan sokongan rohani.

Beliau menggalakkan peserta untuk mencari ketenangan dalam Kitab Suci, mencadangkan Mazmur 23 untuk menenangkan diri dan Mazmur 22 untuk percaya kepada Tuhan semasa penderitaan dan pengabaian.

Selepas bengkel tentang kesejahteraan mental, para peserta semakin menyedari bahawa kesihatan mental adalah penting untuk kesejahteraan peribadi dan komuniti.

Upacara dedikasi semula Cahayasuara KL

KUALA LUMPUR: Cahayasuara, sebuah pusat media dan komunikasi Katolik, telah didedikasikan semula pada sempena Hari Komunikasi Sedunia ke-59.

Upacara Dedikasi Semula itu memperbaharui serta menegaskan kembali komitmen Gereja Katolik untuk mengkomunikasikan sabda Tuhan. Cahayasuara diraikan bukan sahaja kerana pembaharuan fizikalnya tetapi juga kerana peranannya yang berterusan dalam memupuk hubungan spiritual melalui media.

Upacara dimulakan dengan doa, diikuti dengan pemberkatan bangunan.

Di auditorium, sebuah video mengenai kepentingan Hari Komunikasi Sedunia telah ditayangkan. Video itu mengulangi peringatan Sri Paus Leo XIV tentang tanggungjawab setiap individu untuk memupuk keharmonian melalui komunikasi yang lembut dan benar.

Dalam ucapannya, Uskup Agung Julian Leow menekankan cabaran dan tanggungjawab komunikasi moden dalam era perubahan

pesat dan maklumat yang salah.

“Kita telah melalui dua milenium perubahan,” katanya. “Jika kita tidak menyesuaikan diri, kita akan ketinggalan.”

Prelatus itu mengingatkan tentang bahaya berita palsu dan menggesa para komunikator untuk menilai kebenaran dengan teliti.

Uskup Agung Julian juga menyeru pembaharuan semangat misi: “Apabila orang lain melihat kita, adakah mereka melihat seseorang yang mencerminkan Kristus, orang yang berbelas kasihan, baik dan membawa harapan?”

Fr Dr Clarence Devadass, Pembantu Eklestiasikal untuk Komisi Komunikasi Sosial Keuskupan Agung menyampaikan sejarah evolusi bangunan Cahayasuara, dari asal-usulnya sebagai struktur kayu yang dibina pada tahun 1967 sehingga sekarang yang menjadi pusat dinamik untuk penjangkauan media.

Acara tersebut juga menampilkan pembentangan oleh Arokiam Raj mengenai inisiatif digitalnya *Know Your Church*.



Komunikator Katolik diseru tidak sebar pesan agresif

INANAM: Pada zaman yang ditandai dengan maklumat dan polarisasi, Sri Paus Leo XIV menjemput semua pengamal media Katolik agar menjadi “komunikator harapan” dengan memperbaharui etika dan misi kerja dalam semangat Injil

Perayaan Sempena Hari Komunikasi Sosial ke-59 di peringkat Keuskupan Agung Kota Kinabalu telah dirayakan di Gereja St Catherine, Inanam.

Beberapa perwakilan Komisi Komunikasi Sosial (KOMSOS) dari pelbagai paroki berarak masuk ke dalam Gereja dengan memegang logo KOMSOS masing-masing.

Perayaan Ekaristi dipimpin oleh Uskup Agung John Wong, Msgr Nicholas Stephen selaku Pengerusi Komisi KOMSOS Keuskupan Agung KK dan paderi paroki Inanam, Fr David Sham.

Uskup Agung John menyentuh tema Hari KOMSOS Sedunia yang



dipilih oleh mendiang Sri Paus Fransiskus, “Bahagikan dengan lemah lembut harapan yang ada di dalam hatimu (1 Pet 3:15-16)”

Prelatus itu berharap agar para komunikator Katolik sentiasa da-

pat mencari kebaikan yang memberi inspirasi kepada umat untuk berharap.

Tambahnya, “dalam dunia yang sering dipenuhi dengan kebisingan dan perpecahan, kita dipang-

gil untuk menjadi utusan harapan yang lemah lembut dan damai”.

“Semoga kata-kata kita menyembuhkan, memberi inspirasi, menghibur dan mengangkat semangat. Marilah kita mengguna-

kan setiap unggahan dalam media sosial, setiap mesej dan setiap perbualan untuk berkomunikasi dengan kebaikan, belas kasihan dan membawa kesejahteraan bersama,” kata Uskup Agung John.

Msgr Nicholas dalam ucapannya mengingatkan hadirin tidak menyebarkan maklumat palsu atau menghantar mesej yang direka untuk menjadi menakutkan dan memprovokasi sehingga menimbulkan prejudis atau perpecahan. Sebelum meraikan Hari KOMSOS Sedunia, para pengamal media di bawah naungan Keuskupan Agung KK terlebih dahulu menyertai sesi refleksi tentang tema Hari KOMSOS Sedunia ke-59 pada Mei 17, di *Archdiocesan Catholic Centre* KK.

Hari Komunikasi Sosial Sedunia ke-60, 2026 peringkat Keuskupan Agung KK akan dirayakan di paroki St Peter Claver, Ranau.